

Graduan hidap leukemia meninggal dunia

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Pengorbanan seorang graduan Universiti Putra Malaysia (UPM), Allahyarham Maizulina Zulkeply yang sanggup memanjangkan tempoh pengajiannya selama tujuh tahun semata-mata mahu menjaga ibu yang sakit tidak akan dilupakan oleh ahli keluarga sampai bila-bila.

Menurut bapanya, Zulkeply Harun, 60, anaknya itu terpaksa mengambil kursus pengajian jarak jauh semata-mata kerana mahu menjaga isterinya, Maimunah Abdul Samat, 59, yang mengalami masalah saraf sehingga hilang keupayaan untuk berjalan.

Katanya, dia sedih namun reda

kerana anak kedua daripada lima beradik berusia 33 tahun itu tidak berkesempatan menggenggam Ijazah Sarjana Komunikasi Kemanusiaan yang sangat diidamkan selepas dijemput Allah lebih awal.

"Allahyarham meninggal dunia pada malam 18 Oktober lalu dalam pelukan saya akibat men-

derita penyakit leukemia. Maizulina merupakan seorang anak yang baik dan sangat cemerlang dalam pelajaran.

"Dia merupakan kebanggaan kami kerana sering mendapatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan dan jejak itu turut diikuti oleh adik-adiknya," katanya.